

LAPORAN TAHUNAN 2020



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH



ARAS 4, BLOK A, BANGUNAN KPKPS,
JLN. UMS-SULAMAN, 88450, KOTA KINABALU, SABAH

LAPORAN TAHUNAN 2020

JABATAN ALAM SEKITAR
NEGERI SABAH



Alamat Pejabat

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah
Aras 4, Blok A, Bangunan KPKPS,
Jalan UMS - Sulaman, Likas
88450, Kota Kinabalu
SABAH

Sila Hubungi :

Tel Pejabat : 088-488166
No Fax : 088-488177
www.doe.gov.my





05

UCAPAN ALUAN PENGARAH

oleh En. Amirul Bin Aripin

07

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

oleh Pn. Hamidah Binti Shafie

12

BAHAGIAN OPERASI

oleh En. John Anak Rampai

13

UNIT PYDT DAN PYBDT

oleh En. Adzlan Abdul Latib

15

**PENGURUSAN PENCEMARAN
ALAM SEKITAR**

oleh Pn. Roslina Diwa

18

**OPERASI MENCEGAH
PEMBAKARAN TERBUKA**

oleh En. Rosdi Bin Kerisim

24

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

oleh En. Mohammed Ahmadi Bin Dayukan



30

UNIT PELESENAN

oleh Pn. Mardianah Aliska

34

TINDAKAN MAHKAMAH

oleh En. Norhazwan Norizan

35

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

oleh En. Yaras Bin Hj. Yusup

36

**UNIT EIA & INPUT
PEMBANGUNAN JAS**

oleh Pn. Melissa Joseph James

41

PENGUATKUASAAN EIA

oleh En. Muhammad Suffian Bin Julmohamad

45

**UNIT KEBENARAN BERTULIS DAN
PEMBERITAHUAN BERTULIS**

oleh En. Mohd. Fauzi Mahmud

50

**PROGRAM PENDIDIKAN DAN
KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN
PENGAWASAN**

oleh Pn. Chai Hsieh Nee

Dari Meja Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi di atas izin dan limpah kurniaNya Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah (JAS) 2020 telah dapat diterbitkan. Laporan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab Jabatan untuk menyebarkan maklumat mengenai pencapaian dan pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri Sabah sepanjang tahun 2020. Saya berharap laporan ini menepati aspirasi semua pihak dan boleh dijadikan sebagai bahan rujukan serta membantu orang ramai memahami peranan JAS dalam penjagaan alam sekitar.

Pada tahun 2020, dunia berhadapan dengan virus Covid-19 yang diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sebagai tindakan kawalan penyebaran virus ini di Malaysia, arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikeluarkan di mana premis dan sekolah ditutup, orang ramai diarahkan untuk duduk di rumah dan hanya sektor yang perlu sahaja dibenarkan untuk beroperasi. Semua aktiviti kesedaran alam sekitar yang biasa dilaksanakan secara bersemuka sebelum ini terpaksa dibatalkan atau diberhentikan. Walau bagaimanapun, aktiviti kesedaran alam sekitar telah berjaya dilaksanakan oleh JAS Negeri Sabah secara norma baharu melalui platform media dalam talian dan maya iaitu Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, Kempen Lindungi Lapisan Ozon dan Hari Alam Sekitar Negara.

Manakala, program penguatkuasaan juga diubahsuai dengan menambah elemen dan melaksanakan desktop enforcement bagi memastikan semua premis di negeri Sabah sentiasa patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada Agensi-agensi Kerajaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan, Pihak Swasta, Rakan Strategik JAS, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pertubuhan Sukarela yang begitu komited memberi kerjasama dan sokongan kepada Jabatan ini. Kepada warga kerja JAS Negeri Sabah, tahniah dan syabas diucapkan atas semangat dan dedikasi dalam menjayakan pelbagai program dan sasaran Key Performance Index (KPI) bagi tahun 2020. Sesungguhnya keupayaan Jabatan dalam mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti adalah bergantung kepada kakitangan yang berdedikasi yang sentiasa bersedia untuk mentransformasi diri dalam melaksanakan tugas. Akhir sekali saya mendoakan agar segala usaha kita diberkati Allah SWT dan mendapat rahmat dariNya.

**“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”
“Environment, Our Shared Responsibility”**


**AMIRUL BIN ARIPIN
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah**



AMIRUL BIN ARIPIN
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

BAHAGIAN PENTADBIRAN


2020




JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH



CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH




PEJABAT CAWANGAN JAS BEAUFORT







PEJABAT CAWANGAN JAS TAWAU



PEJABAT CAWANGAN JAS SANDAKAN



LAPORAN PENJAWATAN (2019-2020)



NIL	SENARAI JAWATAN	GRED	BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN	2019		BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN	2020	
				BILANGAN DIISI	KEKOSONGAN		BILANGAN DIISI	KEKOSONGAN
1	Pengarah	C54	1	1	0	1	1	0
2	Ketua Penolong Pengarah	C52	1	1	0	1	1	0
3	Ketua Penolong Pengarah	C48	1	1	0	1	1	0
4	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C44	8	8	0	8	8	0
5	Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C41	7	7	0	7	7	0
6	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C38	1	1	0	1	1	0
7	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C32	7	7	0	7	7	0
8	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C29/C32	18	17	1	18	17	1
9	Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0	1	1	0
10	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	FA29/FA32	1	1	0	1	1	0
11	Penolong Jurutera	JA29	20	20	0	20	20	0
12	Setiausaha Pejabat	N19/N22	1	1	0	1	1	0
13	Penolong Akauntan	W29 (KUP)	1	1	0	1	1	0
14	Pembantu Akauntan	W19	1	1	0	1	1	0
15	Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi)	N22 (KUP)	0	0	0	0	0	0
16	Pembantu Tadbir (Pekeranian/Operasi)	N19/N22	4	4	0	4	4	0
18	Pembantu Operasi	N11/N14	4	3	1	4	3	1
19	Pemandu	H11/H14	7	7	0	7	7	0
JUMLAH KESELURUHAN :			84	82	2	84	82	2



PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG



JOHN ANAK RAMPAI

Timbalan Pengarah
Gred C52



NORHAZWAN BIN NORIZAN

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan
Gred C44



NOOR ADILLA BINTI SUIB

Pegawai Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan
Gred C32



SEEDRAL TUL BIN HAKIM

Pegawai Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C29



SUKMA BINTI SAKKA

Pegawai Pegawai Kawalan Alam Sekitar
Gred C29



DONNA FRANCISCA SIBIDOL

Penolong Akauntan
Gred W29

BAHAGIAN OPERASI

2020



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH




Bagi tahun 2020, sebanyak 1499 lawatan penguatkuasaan dijadualkan oleh JAS Sabah ke atas lebih kurang 933 premis. Premis-premis tersebut terdiri daripada premis yang ditetapkan (Kilang Kelapa Sawit, Kilang Getah, Buangan Terjadual), premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan juga Loji kumbahan.

Tahun 2020 merupakan satu tahun yang mencabar bagi Jabatan Alam Sekitar Malaysia dengan kejadian dan penularan pandemik COVID19 di seluruh dunia tidak terkecuali Malaysia. Kerajaan Malaysia telah membuat keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dalam pelbagai fasa bermula 18 Mac 2020 dan ini secara langsung memberi impak terhadap program penguatkuasaan secara fizikal (CAC) yang telah dirancang. Ekoran daripada itu, program penguatkuasaan secara desktop (DE) diaktifkan secara agresif untuk memantau pematuhan premis terhadap semua keperluan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.


Jumlah lawatan penguatkuasaan di lapangan pada tahun 2020 ialah 637 ataupun 42% daripada jumlah sasaran lawatan manakala jumlah pemeriksaan desktop yang dilaksanakan ialah 770 ataupun 51% daripada jumlah sasaran lawatan tahun 2020.

Berdasarkan penguatkuasaan tersebut mendapati bahawa sebanyak 403 premis ataupun 28.64% adalah tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Tindakan penguatkuasaan dan perundangan telah diambil ke atas premis yang tidak mematuhi AKAS 1974 di antaranya ialah tidakan pendakwaan di mahkamah. Selain daripada itu, sebanyak 198 kompaun dan 287 Notis Arahan telah dikeluarkan sepanjang tahun 2020 ke atas pelbagai kesalahan di bawah AKAS 1974. Sebanyak 7 premis dikenakan perintah penahanan operasi kelengkapan kawalan dan 5 premis yang ditetapkan kilang kelapa sawit dan buangan terjadual telah dikenakan tindakan digantung lesen oleh JAS Sabah.

BILANGAN KETIDAKPATUHAN



SASARAN DAN PENCAPAIAN LAWATAN PREMIS BAGI TAHUN 2020



Sasaran Lawatan Premis (CAC) Jumlah Lawatan (CAC) Jumlah Lawatan (DE)

PENGURUSAN ADUAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR

<https://eaduan.doe.gov.my>

Sepanjang tahun 2020, JAS Sabah telah menerima sebanyak 514 aduan pencemaran yang diterima melalui pelbagai saluran. Ini termasuklah aduan yang diterima melalui Sistem e-Aduan JAS (<https://eaduan.doe.gov.my>) iaitu sebanyak 168 aduan. Sejak sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 2018, orang awam telah mula melaporkan kes-kes pencemaran alam sekitar melalui sistem ini, tren seperti ditunjukkan dalam graf di Rajah 1.0. Aduan pencemaran alam sekitar dibahagikan kepada 8 jenis pencemaran.

Aduan pencemaran udara merupakan yang paling banyak diterima oleh JAS dan kebanyakannya adalah disebabkan oleh pembakaran terbuka. Pecahan bagi setiap jenis pencemaran adalah seperti dalam Rajah 2.0. Berdasarkan jumlah aduan, sebanyak 428 kes aduan yang disiasat adalah didalam bidangkuasa JAS manakala 86 aduan lagi adalah di luar bidang kuasa JAS. Semua aduan yang di luar bidang kuasa JAS berkenaan telah dirujuk kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya, seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.0.

Aduan-aduan pencemaran alam sekitar yang diterima telah disiasat dengan kadar segera oleh pasukan penyiasat JAS terutama kes pencemaran yang melibatkan kepentingan awam seperti tumpahan minyak dan penutupan loji rawatan air akibat pencemaran. Walau pun terdapat cabaran dari segi logistik dan keadaan geografi negeri Sabah yang luas, JAS sentiasa dalam keadaan siap sedia untuk menjalankan tugas dengan sebaiknya bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara.

514

KES ADUAN DISIASAT

168 aduan melalui
<https://eaduan.doe.gov.my>

428


KES ADUAN DISIASAT

Aduan dalam bidang kuasa
Jabatan Alam Sekitar


86

KES ADUAN DISIASAT


Aduan diluar bidang kuasa
Jabatan Alam Sekitar



RAJAH 1.0



TREN HASIL SIASATAN ADUAN



RAJAH 2.0

514

KES ADUAN DISIASAT

168 aduan melalui
<https://eaduan.doe.gov.my>

428

KES ADUAN DISIASAT


Aduan dalam bidang kuasa
Jabatan Alam Sekitar

86

KES ADUAN DISIASAT

Aduan diluar bidang kuasa
Jabatan Alam Sekitar

JENIS PENCEMARAN ALAM SEKITAR TAHUN 2020



OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

Bahagian Operasi



OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

Oleh, Rosdi Kerisim


Aktiviti penguatkuasaan ini dilaksanakan untuk mengawal aktiviti pembakaran terbuka yang merupakan punca kepada pencemaran udara termasuk masalah jerebu. Antara strategi dan tindakan awal yang diambil bagi mencegah berlakunya kejadian jerebu akibat aktiviti pembakaran terbuka adalah pemantauan dan penguatkuasaan melalui rondaan darat.

Kawasan pemantauan pembakaran terbuka ditumpukan di kawasan yang mudah terbakar (fire prone area), kawasan yang berpotensi terbakar, kawasan yang sering berlaku pembakaran terbuka dan kawasan yang sering diadu berlaku pembakaran terbuka. Kawasan yang mudah terbakar (fire prone area) adalah seperti kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah.


SIASATAN KE ATAS ADUAN PEMBAKARAN TERBUKA

JAS telah menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan aduan pencemaran alam sekitar. Aduan pencemaran yang diterima oleh JAS termasuk aduan aktiviti pembakaran terbuka juga turut disiasat. Sebanyak 345 aduan pembakaran terbuka diterima dan disiasat oleh JAS Sabah tahun 2020 sebagaimana ditunjukkan dalam graf 3.5.1.

*"Sebanyak **345** aduan pembakaran terbuka diterima dan disiasat oleh JAS Sabah tahun 2020"*



Graf 3.5.1 : Bilangan aduan pembakaran mengikut bulan yang diterima tahun 2020.




Graf 3.5.1 : Bilangan aduan pembakaran mengikut bulan yang diterima tahun 2020.

Tahap kesedaran awam yang semakin meningkat menyebabkan bilangan aduan yang diterima oleh JAS terutama aduan pembakaran terbuka semakin bertambah. Bilangan aduan pembakaran terbuka menunjukkan tren yang meningkat sejak 5 tahun sebelumnya. Graf 3.5.2 menunjukkan bilangan aduan pembakaran terbuka yang diterima dan disiasat sejak tahun 2015.



SIASATAN KE ATAS TITIK PANAS (HOTSPOT)


Maklumat titik panas (Hotspot) yang dicerap ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) juga merupakan maklumat penting untuk JAS Sabah mengesan aktiviti pembakaran terbuka. Pada tahun 2020, bilangan keseluruhan titik panas di Negeri Sabah adalah 605. Maklumat titik panas perlu disiasat secara desktop dan di lapangan bagi menentukan maklumat pembakaran terbuka termasuk jenis guna tanah yang terbakar. Bagi tahun 2020, bilangan titik panas didapati tinggi semasa musim kemarau dan kering iaitu pada bulan Mac hingga Mei dan pada bulan Julai dan Ogos seperti ditunjukkan dalam graf 3.5.3.



Graf 3.5.3: Bilangan titik panas dicerap oleh ASMC pada tahun 2020 mengikut bulan.


(Satelit NOAA20 menggantikan NOAA19 berkuatkuasa 5 September 2019. Satelit NOAA20 ini mempunyai daya cerapan yang lebih tinggi).

Taburan titik panas yang dicerap oleh ASMC pada tahun 2020 ditunjukkan dalam graf 3.5.4. Titik panas paling banyak dicerap di daerah Ranau, Tongod, Kuala Penyu, Beaufort, Labuk Sugud dan Kota Belud.




Graf 3.5.4 : Statistik hotspot dicerap oleh ASMC pada tahun 2020 mengikut daerah

Hasil siasatan dan pemeriksaan ke atas titik panas-titik panas berkenaan menunjukkan bahawa titik panas berkenaan kebanyakannya adalah disumbangkan oleh aktiviti pekebun kecil diikuti oleh kebakaran hutan dan kebakaran belukar seperti ditunjukkan dalam graf 3.5.5



Graf 3.5.5 : Statistik hotspot Tahun 2020 mengikut Jenis Aktiviti Pembakaran Terbuka

Selain peningkatan jumlah aduan yang diterima, jumlah cerapan titik panas juga menunjukkan peningkatan yang sangat ketara pada tahun 2020, dimana sebanyak 605 titik panas yang dikenalpasti berbanding 251 titik panas pada tahun 2019. Hal ini sedikit sebanyak disebabkan oleh penggunaan Satelit NOAA20 yang mempunyai daya cerapan yang lebih tinggi berbanding Satelit NOAA19 sebelum ini. Graf 3.5.6 menunjukkan bilangan titik panas yang direkodkan sejak 2015 di Sabah.




Graf 3.5.6 : Bilangan titik panas sejak 2015.



PROGRAM PENGURUSAN DAN PENCEGAHAN PEMBAKARAN TERBUKA DI TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR

Program Pengurusan dan Pencegahan Pembakaran Terbuka di Tanah Gambut yang Sering Terbakar yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia sejak tahun 2010 bagi menangani pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut yang sering terbakar. Beberapa program yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2020 terpaksa ditunda atau dibatalkan akibat pandemik covid-19. yang melanda. Jadual



Carta 3.5.1: Projek Di atas Program Pengurusan Tanah Gambut

Bagi tahun 2020, di bawah program ini Negeri Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM265,000.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan kepada infrastuktur yang telah dibina dan program kesedaran iaitu:

a)sebanyak RM100,000 peruntukan kepada Jabatan Mineral dan Geologi untuk penyelenggaraan telaga tiub;

b)Sebanyak RM100,000 peruntukan kepada Jabatan Perhutanan Sabah untuk penyelenggaraan sekatan saluran (check dam) dan menara tinjau; dan

c)Sebanyak RM65,000 kepada JAS Sabah untuk penyelenggaraan papan tanda larangan pembakaran terbuka dan kesedaran bersama komuniti. Sebanyak RM15,000 telah dikembalikan ke ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar berikutan kekangan pandemik covid-19 menyebabkan program tidak dapat dilaksanakan.



KONTIGENSI TUMPAHAN MINYAK

Unit ini juga ditugaskan untuk mengendalikan siasatan aduan pencemaran marin dan tumpahan minyak. Selain menyiasat kes tumpahan minyak, Unit ini juga bertanggungjawab sebagai Sekretariat Jawatankuasa Operasi Negeri (JON) bagi Rancangan Kontigensi Kawalan Kejadian Tumpahan Minyak (RKKKTM). JAS Sabah juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri Sabah yang diketuai oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS). Kes-kes tumpahan minyak bagi tahun 2010 adalah seperti di dalam Jadual 3.5.2.

Bulan	Bilangan Aduan	Catatan
Januari	0	
Februari	1	Tumpahan minyak kelapa sawit mentah di Pulau Sakar, Lahad Datu, Sabah pada 2 Februari 2020
Mac	3	i) Kawasan Laut Pulau Sepanggar K. Kinabalu ii) Dwigains Sdn. Bhd. - Daratan di Sandakan iii) Pelabuhan Sandakan
April	0	
Mei	0	
Jun	0	
Julai	0	
Ogos	0	
September	2	i) Tumpahan minyak Diesel di Sungai Serusop, Tuaran. <i>Oil Sheen</i> nipis di permukaan sungai. ii) Tumpahan minyak di belakang Suria Sabah, K. Kinabalu, Hasil Siasatan menemui hanya kes kejadian pukut nelayan hanyut
Oktober	1	Tumpahan Palm Oil Stearin di Terminal POIC Lahad Datu
November	0	
Disember	0	

Jadual 3.5.2: Bilangan kes tumpahan minyak yang berlaku di seluruh Sabah pada tahun 2020 termasuk di laut, sungai dan daratan

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

Bilangan kenderaan yang berdaftar dan digunakan di jalan-jalan raya semakin bertambah dari setahun ke setahun di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya telah menyebabkan berlaku pencemaran udara akibat daripada pelepasan asap dan gas dari kenderaan berkenaan. Lanjutan daripada itu bagi tujuan mengawal pencemaran udara yang berpunca daripada pelepasan asap hitam kenderaan diesel, gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) kenderaan petrol dan motorsikal dan pelepasan bunyi bising daripada motorsikal, Unit Kenderaan Bermotor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah menjalankan penguatkuasaan seperti diperuntukkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya seperti berikut;

- a. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.**
- b. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.**
- c. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.**
- d. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999.**
- e. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.**



1. PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN DIESEL

Dalam menjalankan penguatkuasaan ke atas kenderaan diesel, tiga kaedah dilaksanakan iaitu operasi statik, operasi gerak (operasi bersepadu bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi) dan pemerhatian visual menggunakan kamera video/operasi catat.



UNIT KENDERAAN BERMOTOR

OPS GERAK DAN OPS STATIK

Sebanyak 8 Operasi Statik dan 12 Operasi Gerak secara bersepadu dengan agensi lain telah dilaksanakan pada tahun 2020. Sepanjang operasi tersebut, lebih kurang 3064 kenderaan telah diperiksa secara visual oleh pegawai penguatkuasa JAS. Sebanyak 372 daripada kenderaan tersebut seterusnya diuji dengan meter asap. Hasil operasi statik dan operasi gerak tersebut, sebanyak 15 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang mengeluarkan asap hitam melebihi had yang ditetapkan manakala sebanyak 44 Notis Arahan dikeluarkan untuk mengarahkan pemilik kenderaan membuat ujian semula paras pelepasan asap di PUSPAKOM. Tiada kenderaan dikenakan perintah larangan sepanjang Ops Statik dan Ops Gerak pada tahun 2020. Rajah 1 di bawah menunjukkan status penguatkuasaan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan yang lain pada tahun 2020.

OPS CATAT / KAMERA VIDEO

Operasi Catat (Ops Catat) / Video Kamera dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JAS terutama di kawasan-kawasan bandar. Pegawai-pegawai ditugaskan di lokasi-lokasi strategik tertentu untuk mencatat nombor kenderaan dan merakam gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan. Pada tahun 2020, sebanyak 105 Ops Catat telah dilaksanakan dan sebanyak 6442 telah berjaya diperhatikan dan dicatat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64 kenderaan telah diarah untuk melakukan ujian pelepasan asap di PUSPAKOM untuk menentukan tahap pematuhan pelepasan asap kenderaan berkenaan.




UNIT KENDERAAN BERMOTOR

NOTIS ARAHAN SEKSYEN 48A, AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

Sebanyak 44 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan ke atas pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi bersepadu ataupun melalui aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Notis Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.


UJI SEMULA PELEPASAN ASAP HITAM

Pemilik kenderaan bermotor yang telah ditawarkan kompaun dan diberikan Notis Arahan di bawah seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di Puspakom dan dipantau oleh Pegawai dari Jabatan Alam Sekitar. Pada tahun 2020, sebanyak 44 kenderaan telah diarahkan menjalani ujian semula di Puspakom.



Rajah 1: JAS Sabah: Operasi Statik dan Gerak Tahun 2020.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR



Rajah 2: JAS Sabah: Ops Catat dan Kamera Video Tahun 2020.

PEMERIKSAAN KE ATAS KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN (KYDL)

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) ialah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor sama ada berenjin diesel atau petrol atau keduanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Bagi tahun 2020, pemeriksaan ke atas KYDL di Sabah tidak dapat dilakukan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.


PROGRAM PEMERIKSAAN KE ATAS PENGENDALI BERKUMPULAN (FLEET OPERATOR)

Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) yang memiliki lebih 10 buah kenderaan berenjin diesel dikehendaki menyelenggara satu kemudahan diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian pelepasan asap hitam ke atas kenderaan motornya secara berkala sebagaimana kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam (Kawalan Pelepasan dari Enjin Diesel) 1996. Lawatan penguatkuasaan ke atas Fleet Operator adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca. Walaubagaimanapun, sepanjang tahun 2020, hanya 7 lawatan penguatkuasaan ke atas Pengandali Berkumpulan (Fleet Operator) dapat dilakukan disebabkan kekangan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula pada bulan Mac hingga bulan Jun dan disusuli dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada bulan-bulan yang seterusnya.

2. PENGUATKUASAAN KE ATAS KENDERAAN PETROL

Operasi dilaksanakan secara bersepadu bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Tumpuan operasi adalah kepada kenderaan perdagangan. Walau bagaimanapun di Sabah ini jarang kenderaan petrol digunakan sebagai kenderaan perdagangan. Kebanyakannya perdagangan adalah kenderaan berenjin diesel. Oleh itu operasi hanya tertumpu kepada kenderaan petrol awam dan motosikal sahaja. Parameter yang diuji bagi kenderaan petrol adalah karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) manakala bagi motosikal hanya karbon monoksida (CO) sahaja.

Pada tahun 2020, sebanyak 3 operasi ke atas kenderaan petrol telah dilaksanakan. Sebanyak 51 kereta petrol telah diuji dan kesemuanya mematuhi had pelepasan yang ditetapkan. Sebanyak 20 motosikal telah diuji dan semua mematuhi had pelepasan yang ditetapkan. Rajah 3 di bawah menunjukkan status penguatkuasaan ke atas pelepasan gas dari kenderaan petrol.




Rajah 3: JAS Sabah: Penguatkuasaan ke atas kenderaan berenjin petrol.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR

3. PENGUATKUASAAN BUNYI BISING KE ATAS MOTOSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising motosikal biasanya dijalankan serentak dalam operasi statik bersama agensi lain seperti Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi. Walaubagaimanapun, pada tahun 2020, hanya 4 operasi penguatkuasaan bunyi bising motosikal dapat dilaksanakan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Dalam operasi tersebut sebanyak 23 motosikal diperiksa dan kesemua mematu had bunyi bising yang ditetapkan. Rajah 3 menunjukkan hasil penguatkuasaan bunyi bising yang dijalankan pada tahun 2020;



Rajah 4: JAS Sabah Penguatkuasaan pelepasan bunyi bising dari motosikal

4. PENGUATKUASAAN PENGURUSAN REFRIGERANT

Pemeriksaan ini dijalankan ke atas mana-mana premis yang menyediakan pengurusan refrigerant dengan memastikan pengurusan refrigerant dikendalikan dengan baik dan pengendali adalah orang yang telah mendapat latihan yang telah diluluskan. Pada tahun 2020, sebanyak 7 pemeriksaan telah dibuat ke atas premis yang terlibat dengan refrigerant.


PELESENAN

PELESENAN PREMIS KILANG KELAPA SAWIT

Kilang kelapa sawit merupakan premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan dan memerlukan lesen daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk menduduki dan beroperasi. Bilangan kilang kelapa sawit di negeri Sabah adalah paling tinggi di negara ini. Jumlah ini telah meningkat daripada 47 buah kilang pada tahun 1996 kepada 132 buah kilang pada tahun 2020 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1** di bawah.


132

JUMLAH KILANG KELAPA
SAWIT YANG DILESENKAN
OLEH JABATAN ALAM
SEKITAR NEGERI SABAH



Rajah 1: Jumlah kilang kelapa sawit di negeri Sabah pada tahun 1996 sehingga tahun 2020

Kerajaan Negeri Sabah telah menetapkan supaya had pelepasan efluen kilang kelapa sawit yang beroperasi di Negeri Sabah perlu diperketatkan melebihi had di dalam peraturan bagi mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar khususnya pencemaran ke atas sungai-sungai yang masih menjadi kegunaan utama penduduk negeri Sabah. Susulan itu kilang kelapa sawit di negeri Sabah telah menggunakan teknologi terkini untuk merawat efluen supaya dapat mematuhi had yang ditetapkan di dalam lesen. Kilang-kilang kelapa sawit yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah mempunyai beberapa kaedah untuk melupuskan efluen iaitu pelupusan ke alur air (discharged into watercourse), pelupusan ke atas tanah (discharged onto land), pengairan tanah (land irrigation), penggunaan efluen dalam kompos (composting) dan kitar semula (zero discharge). Maklumat kaedah pelupusan efluen dan bilangan kilang kelapa sawit yang menggunakan kaedah terbabit seperti di **Rajah 2** di bawah.




Rajah 2: Kaedah pelupusan efluen kilang kelapa sawit di Negeri Sabah

PERLESENAN PREMIS KILANG GETAH

Sebanyak 3 kilang getah di negeri Sabah diberikan lesen oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah untuk menduduki dan beroperasi kerana kilang terbabit dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan.






Buangan Terjadual adalah apa-apa buangan yang mempunyai ciri-ciri bahaya yang berpotensi memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Sebanyak 77 jenis buangan terjadual disenaraikan di bawah jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling(Buangan Terjadual) 2005. Terdapat lebih 40 jenis buangan terjadual yang terhasil dari punca-punca pengeluar buangan terjadual di negeri Sabah, termasuk buangan terjadual yang terhasil dari sektor industri, hospital, klinik, bengkel kenderaan, janakuasa, sektor perladangan dan lain-lain punca. Jumlah penghasilan buangan terjadual di negeri Sabah pada tahun 2020 ditunjukkan pada **Rajah 1**.



Rajah 1: Jadual penghasilan buangan terjadual mengikut kod bagi tahun 2020 dalam Tan Metrik (MT).




PELESENAN PREMIS BUANGAN TERJADUAL

3 LESEN   

1. LEGENDA BUMIMAS SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. PETROJADI SDN. BHD. - KOTA KINABALU
2. PENTAS FLORA (SABAH) SDN. BHD. - KOTA KINABALU
3. KUALITI ALAM SDN. BHD. - KOTA KINABALU
4. NCT FORWARDING & SHIPPING SDN. BHD. - KOTA KINABALU
5. WAWASAN OIL RECYCLE SDN. BHD. - SANDAKAN

2 LESEN   








1. SEDAFIAT SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. REDSOFT SOLUTIONS SDN. BHD. - KOTA KINABALU

2 LESEN  

1. JL RESOURCE TECHNOLOGY - TAWAU

-  PEMBAWA YANG DITETAPKAN/ PENGANGKUTAN BUANGAN TERJADUAL
-  KEMUDAHAN PENSTORAN LUAR TAPAK BUANGAN TERJADUAL
-  KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI BUANGAN TERJADUAL
-  KEMUDAHAN RAWATAN GELOMBANG MIKRO
-  KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI SEPARA E-WASTE
-  KEMUDAHAN PEMEROLEHAN KEMBALI
-  KEMUDAHAN PENUNU BUANGAN TERJADUAL



TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah telah mengendalikan sejumlah 16 kes tindakan mahkamah kerana pelanggaran terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Bilangan ini telah bertambah berbanding pada tahun 2019 iaitu sebanyak 14 kes tindakan mahkamah sahaja direkodkan. Manakala kes yang didaftarkan di mahkamah pada tahun 2020 adalah sebanyak 13 kes dan 3 kes lagi adalah kes yang telah didaftarkan pada tahun sebelumnya.

Sebanyak 10 kes telah selesai didakwa di mahkamah pada tahun 2020 dengan jumlah denda yang dikenakan adalah sebanyak RM132,500.00 dan 6 kes lagi masih dalam prosiding mahkamah. Semua kes yang telah selesai didakwa pada tahun 2020 merupakan kesalahan yang dilakukan pada tahun 2019.

